

**Parlimen: Penyenaian FGVH Beri Keuntungan Kepada Rakyat - Ahmad Maslan
Bernama
11 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Keuntungan yang diperoleh daripada Felda Global Ventures Holdings (FGVH) juga boleh dinikmati orang ramai memandangkan penyenaian syarikat itu turut melibatkan kerajaan negeri dan pelabur institusi, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata menurut data terkini, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji masing-masing mempunyai 10.85 juta dan tujuh juta pencarum, manakala Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai 13.15 juta anggota dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) mempunyai 140,000 anggota. Mereka adalah antara pelabur institusi dalam FGVH.

"Ini bermaksud dividen kemakmuran Felda dikongsi dengan rakyat terbanyak. Tidak pernah saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dibahagikan kepada sebegitu ramai rakyat Malaysia," katanya pada sesi soal-jawab.

Beliau menjawab soalan Datuk Abdul Rahman Manan (BN-Paya Besar) yang ingin tahu faktor yang membolehkan FGVH menghasilkan dana apabila disenaraikan di Bursa Malaysia.

Ahmad berkata dalam meningkatkan keupayaan aliran, FGVH bercadang menubuhkan perkongsian usaha niaga strategik dengan syarikat gergasi komoditi, Louis Dreyfus Commodities (LDC) dan keputusan itu dibuat setelah melakukan kajian teliti serta mengambil kira semua faktor keupayaan komersil dan sosial.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672108>